

## Angkasa tumpu pembinaan, harta tanah

**KUALA LUMPUR 18 Julai** – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) memperkasakan gerakan dalam sektor pembinaan melalui kerjasama dengan beberapa syarikat swasta berpotensi tinggi.

Antaranya Koperasi Usahawan Binaan Selangor bekerjasama dengan GRN Industries Sdn. Bhd. manakala Koperasi Paku Berhad (Kopaku) dengan tiga syarikat seperti Bina Paint Industries Sdn. Bhd., Percetakan Pro-Spencer Sdn. Bhd. dan Azka Hardware & Trading Sdn. Bhd.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, bidang harta tanah dan industri binaan sangat berpotensi untuk diterokai oleh koperasi kerana permintaannya adalah berterusan walaupun wujudnya krisis ekonomi.

“Angkasa sentiasa mencari jalan untuk memastikan koperasi berpeluang terlibat secara aktif dalam industri ini melalui pelbagai strategi bagi merangsang perniagaan.

“Misalnya, majlis menandatangani nota persefahaman (NoU) yang dilaksanakan hari ini membolehkan Angkasa membantu perniagaan koperasi melibatkan pembangunan harta tanah dan industri binaan,” katanya.



**ABDUL FATTAH ABDULLAH** (tengah) menyaksikan majlis pemeteraan MoU antara pertubuhan koperasi dan syarikat swasta dalam sektor industri pembinaan di Kelana Jaya, Kuala Lumpur, semalam.

Abdul Fattah berkata demikian ketika berucap dalam majlis pemeteraan MoU antara pertubuhan koperasi dan syarikat swasta dalam sektor industri pembinaan di Kelana Jaya dekat sini, hari ini.

Menurutnya, melalui persefahaman itu, beliau berharap koperasi dapat memperluaskan jaringan perniagaan melalui perkongsian teknologi menge-

nai produk dan perkhidmatan baharu dalam perniagaan bekalan bahan binaan.

“Walaupun koperasi dibahagikan mengikut sektor berdasarkan aktiviti utama, untuk mencapai sasaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM50 bilion menjelang 2020, setiap sektor harus memainkan peranan secara bersama,” katanya.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia